

Impact Malaysia berjaya membangkitkan semangat 864 orang *Changemaker* muda melalui lawatan pertama Jelajah Impact



Shah Alam, 21 September 2023 - Jelajah Impact telah memulakan lawatan pertamanya semalam bersama 864 peserta di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Seksyen 13 Shah Alam.

"Jelajah Impact: Edisi Changemaker" adalah program *outreach* yang terdiri daripada bengkel separuh hari di 6 institusi pendidikan tinggi di mana peserta akan didedahkan dengan isu-isu sosioekonomi, cerita perubahan dan bagaimana seseorang anak muda boleh menjadi sebahagian daripada pembuat perubahan tersebut menerusi program Jelajah Impact.

Jelajah ini dianjurkan khusus untuk menarik minat peserta terutamanya para belia bagi menyertai Akademi Impact iaitu program inkubator khusus untuk changemakers. Jelajah Impact dianjurkan dengan kerjasama rakan strategik iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan UniKL. Seramai 50 orang peserta Jelajah Impact akan dipilih untuk menyertai Akademi Impact yang dijangka akan dijalankan pada November 2023.

Pada tahun 2022, Impact Malaysia telah berjaya mengadakan Jelajah Impact dengan tema berkaitan belia seperti literasi kewangan dan keusahawanan belia. Kali ini, Jelajah Impact akan diadakan di Lembah Klang kerana kebanyakan institusi pengajian tinggi Malaysia yang menawarkan kursus kerja sosial terletak di sekitar ibu negara.

"Misi kami jelas: iaitu, bagi membantu meningkatkan kesedaran dan membangkitkan rasa tanggungjawab dan pemilikan yang mendalam di kalangan belia, memberi kuasa kepada mereka untuk mencipta perubahan positif yang diinginkan dalam komuniti. Kami akan membekalkan mereka dengan pengetahuan dan *tools* yang diperlukan bagi mencipta perubahan ini," kata En. Ahmed Faris Amir, Ketua Pegawai Eksekutif Impact Malaysia.

"Kami mengalu-alukan lebih banyak institusi pendidikan, persatuan, dan masyarakat untuk memanggil Jelajah Impact bagi belia, dan kami memperluas undangan kami kepada sektor swasta untuk bergabung dengan kami dalam membina para perubah muda ini. Bersama-sama, kita akan membudayakan generasi *changemakers* muda yang bersemangat, yang akan mendorong transformasi positif dalam masyarakat kita," tambahnya.

Jelajah Impact: Edisi Changemaker terdiri daripada 2 sesi penting, dengan objektif untuk memperkenalkan isu sosio-ekonomi kepada belia dan berkongsi alat bantu untuk para peserta merangka projek impak sosial, yang boleh berguna kepada pelajar yang mengambil kursus kerja sosial sepanjang semester ini.

Sesi	Maklumat
Pentas Nyala (1 jam)	Sesi perkongsian mengenai isu-isu sosio-ekonomi dan alam sekitar oleh NGO / syarikat sosial, diikuti dengan perbincangan yang interaktif.
Takeover (1 jam)	Sesi bengkel selama 1.5 jam tentang bagaimana anak muda boleh mereka suatu projek impak sosial. Peserta akan didedahkan kepada model utama Alat Bantu Impact Malaysia "Canvas Model Impak" dan alat bantu lain-lain untuk membantu pembangunan <i>changemakers</i> bagi mencipta program yang akan memberikan impak yang besar dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, Jelajah Impact akan menemui pelajar di Kolej Komuniti Selayang pada 11 Oktober 2023. Impact Malaysia sentiasa mencari rakan untuk membawa Jelajah Impact ke institusi dan komuniti yang memberi tumpuan kepada belia. Sila hubungi kami di connect@impact.my untuk maklumat lanjut.

Tamat

[Muat Turun Press Kit Di Sini](#)

Tentang Impact Malaysia

Impact Malaysia adalah inisiatif impak sosial di bawah Impact Integrated (sebuah agensi pemangkin strategik di bawah KBS) yang memberdayakan belia untuk menjadi pencipta perubahan melalui pelbagai aktiviti pembangunan kapasiti, dana, projek impak sosial, kolaborasi dan komunikasi strategik.

Tentang Impact Integrated

Impact Integrated adalah sebuah agensi pemangkin strategik untuk dan di bawah kawal selia Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Sebagai sebuah syarikat berhad menurut jaminan (SBMJ) yang didorong oleh impak dan bukan berkeuntungan, Impact Integrated mempunyai tiga bidang tumpuan iaitu belia, sukan elektronik dan media merentasi beberapa jenama utama; Impact Malaysia, Rakita 107.9, Esports Integrated, Spacerubix dan mySukan TV.

Untuk pertanyaan mengenai media:

Mia Amira Ishak

Public Relations & Communications,
Impact Integrated
Tel: +6014-689-6068
E-mail: mia@impact.my

Malni Vadamalai

Public Relations & Communications,
Impact Integrated
Tel: +6019-395-2836
E-mail: mallni@impact.my

Untuk pertanyaan mengenai program:

Mastura M. Rashid

Strategy & Development,
Impact Malaysia
Tel: +6013 466 7833
E-mail: mastura@impact.my

Visit Impact Malaysia:

Website: www.impact.my
Instagram @impactmsia
Facebook @impactdotmy
TikTok @impactmalaysia